

Akademika 1972-2002: Pentas Kesarjanaan Sains Sosial Malaysia

ROOSFA HASHIM

ABSTRAK

Akademika yang terbit sejak 1972 sebagai jurnal Sains Sosial UKM kini sudah berusia genap tiga puluh tahun. Makalah ini adalah makalah yang ke-397 dan terbit dalam Akademika keluaran ke-61 Julai 2002 bersempena ulang tahun ke-30 jurnal ini. Kajian ini dilakukan dengan tiga tujuan. Pertama, menilai prestasi Akademika sebagai sebuah jurnal ilmiah dalam bidang sains sosial. Ini melibatkan pengenalan sifat-sifat jurnal ilmiah pada Akademika, pengedaran, penyebaran, dan visibilitinya serta penerimaannya di kalangan sarjana antarabangsa. Kedua, menganalisis keseluruhan kandungan Akademika. Ini termasuk menghitung jumlah keseluruhan makalah, pecahan dan peratusan makalah dalam bahasa Melayu dan Inggeris, mengkaji aspek kepengarangan meliputi komposisi penyumbang UKM, pengarang dari universiti dan institusi lain, penyumbang antarabangsa, serta komposisi makalah menurut bidang, makalah oleh pengarang tunggal dan berbilang pengarang, dan mengenali kumpulan pengarang yang paling banyak menyumbangkan makalah. Ketiga, menghasilkan indeks pengarang dan indeks perkara bagi Akademika 1972-2002. Kajian ini mengharap akan dapat menyampaikan pandangan bagi memperbaiki dan meningkatkan citra Akademika sebagai sebuah jurnal ilmiah berwasit yang berperanan selaku pentas kesarjanaan sains sosial Malaysia dan bertaraf antarabangsa.

ABSTRACT

Akademika, launched in 1972 as a Social Science journal by UKM is now in its 30th year of publication. The objective of this paper is to evaluate the success of this journal. This involves looking at its circulations, distribution and visibility in academia. Secondly, the paper presents an analysis of the journal focusing on contributors, main subject areas covered and language of publication. Also included is a author and subject index for the period 1972 to 2002. It is hoped that this analysis will help to chart the future direction of academia as a viable journal that promotes Malaysian scholarship in the Social Sciences.

PENGENALAN

Pada masa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mula ditubuhkan pada Mei 1970, tiga buah fakulti perintis diwujudkan, iaitu Fakulti Sains (kini Fakulti Sains dan Teknologi); Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Sastera (yang kemudiannya dikenali sebagai Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan kini sebagai Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan). Bagi menampung penulisan para pensyarahnya, pada tahun 1972 UKM mula menerbitkan dua buah jurnal iaitu *Sains Malaysiana* bagi bidang sains manakala *Akademika* bagi bidang sains kemasyarakatan dan kemanusiaan. Bagi *Akademika* keluaran pertama, sidang pengarangnya dipimpin oleh Abdul Halim Ismail.

Pada tahun ini (2002) genaplah 30 tahun usia *Akademika*. Dengan mencapai usia tersebut, ada baiknya dibuat tinjauan tentang sumbangan jurnal ini dalam memajukan bidang sains sosial dan kemanusiaan di Malaysia dan khususnya di UKM. Jurnal akademik menjadi *flagship* yang penting bagi sebuah universiti memandangkan penerbitan jurnal bukanlah suatu tugas yang mudah bagi sesebuah universiti di negara yang tradisi penerbitan berkalanya tidak kuat. Mengkaji *Akademika* memperlihatkan dengan jelas cabaran ini. Misinya ialah bagi menjadi saluran memaju dan mengembangkan ilmu sains sosial di Malaysia, di dalam dan di luar UKM. Di samping memartabatkan nama universiti, *Akademika* menjadikan dasar penerbitannya untuk memajukan bahasa Melayu dalam membahaskan ilmu peringkat tinggi, di samping mewujudkan ruang bagi perbahasan dalam bahasa Inggeris.

Tradisi penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia masih muda. Justeru, tidak banyak kajian yang menganalisis kemajuan sesebuah jurnal dilakukan di negara ini. Blazy (2000) pernah menyorot kemajuan dan peranan yang dimainkan oleh jurnal *Tenggara*, sebuah jurnal ilmiah Malaysia bagi bidang kesusteraan yang boleh dianggap berjaya bagi bidangnya. Zainab (1997) menganalisis dan membentangkan *visibility* serta kedudukan jurnal ilmiah Malaysia di peringkat antarabangsa. Berdasarkan analisis Zainab, dalam hal jurnal bidang sains sosial dan kemanusiaan di Malaysia, jurnal-jurnal UKM, termasuk *Akademika* tidak tersenari dalam pelbagai perkhidmatan indeks dan abstrak di peringkat antarabangsa.

Sejak terbitnya *Akademika* pada 1972, beberapa perbincangan tentang kemandirian jurnal ini telah diutarakan, misalnya, oleh Abdul Rahman (1997), Shamsul Amri (1999) dan Roosfa (2000). Selain beberapa bengkel penerbitan jurnal oleh Penerbit UKM, sidang pengarang *Akademika* juga telah beberapa kali mengadakan bengkel dan sesi sumbang saran bagi melihat kembali kedudukan jurnal tersebut, merombak dan mengemaskan proses penerbitan, mengetatkan saringan makalah, serta beberapa langkah editorial lain demi meningkatkan mutu penerbitan jurnal tersebut.

Dalam hal mengangkat citra dan mutu setiap makalahnya, Shamsul Amri (1999) menyarankan agar sidang editor *Akademika* lebih proaktif dan sentiasa

mengikuti bukan sahaja perkembangan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan dalam konteks arus perdana sejagat bahkan juga dalam konteks tempatan untuk menjadikannya semacam *broker-custodian* kepada perkembangan ini. *Akademika*, menurut Shamsul mesti bertanggung jawab menyalur dan menyebarkan maklumat mengenai perkembangan terkini bidang sains sosial dan kemanusiaan kepada audien tempatan. Jurnal ini juga diharapkan dapat menggalakkan komuniti akademik di Malaysia memperkata dan memperdebat isu-isu terkini sama ada sebagai kupasan umum atau berdasarkan kajian.

Namun, setelah sekian lama penerbitannya, *Akademika* dianggap masih tidak dapat menonjolkan identiti sebenarnya. Satu perbincangan yang intensif telah diadakan pada pertengahan dekad 1990-an bagi mengatasi masalah ini. Para pemerhati menarik perhatian kepada krisis identiti, terutama dilema yang dihadapi *Akademika* dalam memeliharaimbangan kandungan makalahnya antara ilmu sains sosial dengan ilmu kemanusiaan. Abdul Rahman (1997) dalam hal ini merujuk beberapa keluaran mutakhir *Akademika* ketika itu. Walau bagaimanapun, menurut beliau, suatu kajian khusus tentang kandungan keseluruhan jurnal ini mesti dilakukan secara saintifik sebelum kesimpulan sedemikian dapat disahkan.

Penerimaannya di khalayak pembaca dan sarjana antarabangsa adalah cabaran awal *Akademika*. Roosfa (2000) membangkitkan ketiadaan usaha penerbit dan sidang editor jurnal ini agar *Akademika* diindeks dan diabstrak di peringkat antarabangsa. Langkah ke arah ini mesti dimulakan bagi memastikan jurnal ini *visible* di mata sarjana seluruh dunia.

Dalam hal mengantarabangsakan *Akademika*, Abdul Rahman (1999) mencadangkan pembinaan *niche* bagi *Akademika*. Ini bermakna jurnal ini menjurus kepada sesuatu fokus agar menjadi sebuah jurnal yang khusus dalam sesuatu aspek, bidang, disiplin atau subdisiplin. Beliau turut menyarankan agar *Akademika* disenaraikan dalam International Citation Index. Pada hakikatnya *Akademika* belum tertonjol di kalangan khalayak antarabangsa justeru jurnal ini belum diindeks dan diabstrakkan di peringkat antarabangsa. Di peringkat kebangsaan jurnal ini memang dikenali sarjana kerana kurangnya jurnal sains sosial dan kemanusiaan yang mapan. Berbeza dengan *Akademika*, jurnal bidang sains sosial yang ada di universiti tempatan di luar UKM lebih bersandar kepada makalah daripada dalam kampus sendiri. Dengan membuka pintu kepada penyumbang daripada luar UKM, *Akademika* menjadi lebih tertonjol dan dikenali. Tambahan pula Ghazali Abas et al. (1992) telah memasukkan indeks dan abstrak *Akademika* ke dalam *Indeks dan Abstrak Jurnal UKM 1970-1990*. Meskipun liputan beliau terhad kepada *Akademika* sehingga terbitan sebelum 1990, usaha ini dianggap suatu permulaan yang baik bagi memudahkan *Akademika* dicapai oleh sarjana tempatan.

JURNAL ILMIAH SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN DI MALAYSIA

Pada 1972, semasa *Akademika* mula diterbitkan, tidak banyak jurnal ilmiah lain diterbitkan bagi menampung penulisan dan hasil penyelidikan sarjana di Malaysia khususnya bagi bidang sains sosial dan kemanusiaan. Kebanyakan jurnal yang beredar adalah bagi sub bidang tertentu dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Keadaan ini wujud meskipun Universiti Malaya telah sekian lama didirikan, selain Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang masih muda. Kolej Pertanian Serdang juga ketika itu sedang berada di peringkat akhir sebelum dinaik taraf menjadi Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia – UPM) yang juga menawarkan kursus bagi bidang sains sosial dan kemanusiaan. Institut Teknikal Kebangsaan (ITK) juga sedang bergerak menjadi sebuah universiti (UTM) meskipun sains sosial cuma menjadi subjek dalam ilmu teras dan bukan ditawarkan sebagai bidang pengkhususan. Terdapat juga beberapa persatuan dan gerakan yang dianggotai sarjana bidang ilmu sains sosial dan kemanusiaan yang giat menerbitkan wacana sains sosial dan kemanusiaan, termasuk Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) yang ditubuhkan pada 1977 dan juga Institut Analisa Sosial (INSAN).

Jurnal yang ada ketika itu diusahakan secara sederhana oleh beberapa persatuan dan perkumpulan sarjana serta di peringkat jabatan, fakulti dan persatuan. Bagi bidang sejarah memang terdapat jurnal yang agak mantap. Selain *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JAMBRAS)* yang memang sudah terkenal, *Malayan Historical Journal* (1954-56) yang kemudiannya menjadi *Malaya in History* diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Malayan Historical Society mulai 1957. Jurnal ini kemudian ditukar nama menjadi *Malaysia in History* mulai 1967.

Dalam bidang bahasa dan kesusasteraan, jurnal *Tenggara* mulai terbit pada 1967. Lebih awal daripada itu, sudah ada *Dewan Bahasa* yang mula terbit pada 1957 bagi menampung tulisan, perbahasan dan pembentangan penyelidikan dalam bidang bahasa dan kesusasteraan. Manakala bagi bidang ekonomi, *Jurnal Ekonomi* mula diterbitkan oleh Persatuan Ekonomi Universiti Malaya, pada 1960. Asalnya jurnal ini dikenali sebagai *Journal of the Economics Society*.

Selain *Malayan Law Journal* terbitan Malaya Publishing House yang mulai terbit pada 1932, tidak terdapat banyak jurnal bagi menampung tulisan dalam bidang undang-undang kerana *Jurnal Undang-undang* hanya terbit di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya mulai 1974, dua tahun setelah terbitnya *Akademika*.

Walau bagaimanapun, daripada apa yang dikemukakan di atas, jelaslah bahawa sebelum terbitnya *Akademika*, sudah ada jurnal ilmiah, walaupun jumlahnya kecil dan terbatas, bagi menampung tulisan dan makalah bagi subdisiplin tertentu dalam sains sosial dan kemanusiaan. Cuma, yang belum ada pada masa itu ialah sebuah jurnal yang dapat menghimpunkan wacana seluruh sarjana dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan dalam satu wadah. Namun

demikian, pada ketika *Akademika* masih terlalu muda dan masa depannya pun belum pasti, sarjana tempatan di jabatan dan fakulti di pelbagai universiti tetap giat menerbitkan jurnal masing-masing. Mereka juga mungkin kurang yakin dengan kemampuan dan prestasi masa depan pelbagai jurnal yang diterbitkan itu.

Justeru, di UKM, selain *Akademika*, digiatkan pula penerbitan pelbagai jurnal bagi bidang tertentu di peringkat jabatan dan fakulti. Ini termasuklah *Ilmu Alam* (1972), *Jebat* (1972), *Jurnal Antropoloji dan Sosioloji* (1972), *Jurnal Budaya Melayu* (1975), *Journal Pendidikan UKM* (1975), *Islamiyat* (1977), *Jurnal Ekonomi Malaysia* (1980), *Jurnal Pengurusan* (1982), *Sari* (1983), *Jurnal Psikologi* (1985), *Jurnal Personalia Pelajar* (1985) dan *Sumber* (1985). Selain itu, di UKM juga terbit *Sains Malaysiana* (diterbitkan pada tahun yang sama dengan *Akademika*, pada 1972), *Jurnal Perubatan UKM* bagi bidang perubatan dan *Jurnal Kejuruteraan* bagi bidang kejuruteraan.

Daripada judul setiap jurnal tersebut dapat difahami hasrat penerbitan jurnal-jurnal ini adalah bagi membuka lebih banyak ruang penerbitan kepada pensyarah muda di universiti yang baru. Kemunculan jurnal dalam pelbagai disiplin ilmu ini dalam jangka panjang memberi kesan kepada survival *Akademika*. Dalam masa yang sama, jurnal-jurnal tersebut juga menghadapi ancaman pada kemandiriannya kerana saling bersaing sesama sendiri dalam beberapa bidang yang bertindih.

Bagi bidang sains sosial dan kemanusiaan, selain *Akademika*, hanya *Jebat*, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, *Jurnal Pendidikan*, *Sari* dan *Islamiyat* masih kekal diterbitkan sehingga ke hari ini dengan pelbagai masalah. Jurnal lain yang teredar kini di pelbagai jabatan dan fakulti di UKM adalah terlalu muda dan berusia di bawah lima tahun.

Di luar UKM juga telah terbit pelbagai jurnal bidang sains sosial dan kemanusiaan. Kebanyakan jurnal yang kini menjadi saingan kepada *Akademika*, hanya terbit lama sesudah *Akademika* menemui pembaca. Antaranya (Jadual 1) termasuklah *Pertanika: Journal of Social Science and Humanities* yang mulai terbit pada 1993 di UPM. *Kajian Malaysia* (1983) dan *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* (1994) pula terbit di USM. Kedua-dua jurnal ini bagaimanapun banyak bersandar kepada sumbangan daripada sarjana USM sendiri. Oleh yang demikian, sifat *inbreedingnya* agak kuat. Di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya terbit *Manusia dan Masyarakat* mulai 1972. Jurnal ini juga bersifat dalaman dan penerbitannya tidak menepati *deadline* penerbitannya.

Kajian Malaysia, kebelakangan ini membuka ruang yang lebih besar kepada penyumbang daripada luar USM. Walau bagaimanapun, jurnal ini agak ketinggalan dari segi imprintnya. Ini memberi kelebihan kepada *Akademika* kerana penyumbang lazimnya memilih jurnal yang menepati tarikh penerbitannya.

Persatuan Sains Sosial Malaysia adalah persatuan sarjana yang giat menerbitkan cetusan fikiran ahli-ahlinya. Selain menerbitkan buku dan majalah, PSSM juga menerbitkan *Ilmu Masyarakat*. Jurnal dalam bahasa Melayu dan Inggeris ini mulai menemui pembaca pada 1983 dan ditamatkan penerbitannya pada 1995.

Di peringkat serantau, terdapat dua jurnal dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan yang menjadi saingen rapat kepada *Akademika*. Jurnal *Asian Journal of Social Science* adalah terkenal dan berpengaruh di kalangan sarjana sains sosial di Asia Tenggara dan di Barat. Jurnal ini dahulunya dikenali sebagai *Southeast Asian Journal of Sociology* dan kemudian *Southeast Asian Journal of Social Science*. Jurnal ini mula diterbitkan pada 1969 oleh Sociology Society, University of Singapore. Dengan usianya yang beberapa tahun lebih tua berbanding *Akademika*, penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya, penerbitannya di sebuah universiti yang dianggotai sarjana luar pelbagai bangsa dan negara, terdapatnya versi *online* di internet, jurnal ini memberi saingen besar kepada *Akademika*. Satu lagi kekuatan jurnal ini ialah kerana ia muncul di banyak perkhidmatan indeks dan abstrak antarabangsa termasuk ASSIA: Applied Social Sciences Index and Abstracts, Abstracts in Anthropology, Asian-Pacific Economic Literature, Bibliography of Asian Studies, Geographical Abstracts: Physical Geography, Human Geography, International Development Abstracts, International Political Science Abstracts, Linguistic Bibliography/Bibliographie Linguistique, Linguistics and Language Behavior Abstracts, Periodica Islamica, Rural Development Abstracts, Russian Academy of Sciences Bibliographies, Social Services Abstracts, Sociological Abstracts, World Agricultural Economics & Rural Sociology Abstracts.

Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia, sebuah jurnal yang lebih muda juga memberi saingen kepada *Akademika*. Jurnal ini mula diterbitkan pada 1986 oleh Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Singapura. Berbanding *Akademika*, *Sojourn* agak *visible* di peringkat antarabangsa kerana diindeks dan diabstrak di pelbagai perkhidmatan iaitu: America: History and Life (ABC-CLIO), Contents Pages on Asia (INSEAD), EBSCO Publishing, Expanded Academic Index/ASAP, Historical Abstracts (ABC-CLIO), International Bibliography of Book Reviews, International Bibliography of Periodical Literature, International Bibliography of the Social Sciences, International Serials Database, PAIS International, PAIS Select, Sociological Abstracts dan Uncover.

JADUAL 1. Perbandingan *Akademika* dan jurnal saingannya

Jurnal	Penerbit	No.1	Keluaran terbaru	Bahasa
<i>Akademika</i>	UKM	1972	v. 61, Jul. 2002	BM + BI
<i>Kajian Malaysia</i>	USM	1983	v. 19 no. 1-2 2001	BM + BI
<i>Pertanika</i>	UPM	1993	v. 5 no. 1-2 1977	BM + BI
<i>Jurnal Ilmu Kemanusiaan</i>	USM	1994	v. 3, 1996	BM + BI
<i>Asian Journal of Social Science</i>	NUS	1969	v. 30, no. 3, Nov. 2002	BI
<i>Sojourn</i>	ISEAS	1986	v. 17, no. 2, Okt. 2002	BI

BM = bahasa Malaysia, BI = bahasa Inggeris

Dengan usianya yang telah mencecah 30 tahun, dan dengan terdapat banyaknya perkhidmatan mengindeks dan mengabstarak di peringkat antarabangsa, bukanlah suatu yang sukar untuk *Akademika* menguruskan pendaftarannya di sebahagian atau kesemua perkhidmatan tersebut. Selain yuran dan bayaran keahlian atau perkhidmatan yang bukan menjadi masalah kepada *Akademika*, amalan dan syarat bagi diindeks dan diabstrak di pelbagai perkhidmatan ini bukanlah terlalu sukar untuk dipatuhi.

LAHIRNYA AKADEMIKA

EDITORIAL

Seperti dinyatakan terdahulu, tiga dekad lalu, pada Julai 1972, terbit *Akademika* dalam kampus Universiti Kebangsaan Malaysia di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur yang baru memasuki tahun kedua penubuhannya. Dengan masa depan yang belum pasti, Abdul Halim Ismail, pensyarah bidang ekonomi mengetuai enam orang kakitangan muda dan baru UKM dalam sidang pengarang yang menerbitkan jurnal tersebut. Sidang editor pertama *Akademika* adalah Abdul Fatah Harun, Abdul Rahman Embong, Mohd. Amin Hassan, Osman Khalid, Sham Sani, dan Siti Hawa Salleh. Barisan sidang pengarang dengan pelbagai latar belakang ini memberi kekuatan luar biasa kepada *Akademika* – Abdul Halim Ismail adalah lulusan Universiti Oxford, Sham Sani pula daripada University of Canterbury, New Zealand, Abdul Rahman Embong daripada University of London manakala Osman Khalid Abdul dan Fatah Harun daripada latar belakang agama termasuk daripada Timur Tengah. Gabungan Timur Tengah dan Anglo Saxon ini diperkuuh oleh Siti Hawa Salleh yang mendapat pendidikan tempatan iaitu daripada Universiti Malaya.

BENTUK FIZIKAL

Pada kulit hadapannya tertera nama *Akademika* diikuti “jurnal ilmu kemanusiaan dan sains kemasyarakatan.” Terjemahan Inggeris mengikuti pada baris berikutnya. Jurnal berukuran 6×9 inci itu mengekalkan saiznya hingga ke hari ini. Dengan cetakan tiga warna, kulit hadapan dihiasi grafik yang abstrak, tetapi indah dan menarik – empat anak panah tebal bertemu pada suatu titik pertemuan yang sama, tiga daripadanya memuatkan lembaga manusia yang sama bentuk tetapi berlainan warna, manakala anak panah terakhir diubah menjadi bentuk sebuah rumah. Grafik ini tepat mewakili bidang sains sosial dan kemanusiaan.

Pada awal 1970-an ISSN belum menjadi amalan, sebaliknya tercetak nombor izin permit penerbitan daripada Kementerian Dalam Negeri – KDN 6083. Tidak dapat dipastikan rasional menerbitkan nombor KDN ini kerana nombor ini sampai hari ini dari segi amalannya hanya diwajibkan kepada penerbitan swasta. *Akademika*, sebagai penerbitan kerajaan adalah tertakluk kepada Menteri

berkenaan dan parlimen, oleh itu tidak diwajibkan memohon dan mencetak nombor tersebut. Nombor tersebut bertukar setiap tahun kerana dari segi peraturan, penerbit swasta wajib memperbaharui lesen penerbitannya setiap tahun. Nombor ini terus dicetak sehingga keluaran ke-24 dengan memakai no. KDN 0153/84. Nombor ISSN pula mula digunakan pada keluaran ke-20, iaitu pada tahun 1982 bersama no. KDN. Nombor ISSN 0126-5008 adalah nombor unik bagi setiap penerbitan bersiri. Nombor yang menjadi rujukan pustakawan, perpustakaan dan pengedar buku ini kekal selama-lamanya tanpa perlu dipohon yang baru sama ada bagi keluaran berikutnya mahupun tahun yang berbeza. Kod jalur pula mula dipamerkan pada keluaran ke-39, Julai 1991. Kod jalur adalah bagi kegunaan dan kemudahan dalam urusan jual beli dan pemasaran.

Keluaran sulung *Akademika* tidak menyenaraikan kandungan makalah pada kulitnya. Pada kulit belakang dicatatkan *Akademika* diterbitkan oleh Jawatankuasa Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia dan dicetak oleh Percetakan Art. Semua maklumat ini adalah bagi memenuhi keperluan Akta Mesin Cetak dan Percetakan. Mulai keluaran ke-8 iaitu pada tahun 1976, kulit hadapan *Akademika* diubah dengan menyenaraikan makalah yang termuat di dalamnya, dan warna latar hijau diteruskan sehingga bilangan ke-52, Januari 1998. Mulai bilangan ke-53, Julai 1998, warna latar kulit *Akademika* diubah kepada warna biru.

KANDUNGAN

Keluaran pertama *Akademika* memuat lima makalah dalam bahasa Inggeris dan dua makalah dalam bahasa Melayu. Subjeknya pelbagai – daripada soal perekonomian pengeluaran beras, struktur dan tingkah laku kekeluargaan, hingga ke konsep pendidikan Islam, daripada integrasi personaliti hingga kepada gejala membunuh orang kafir di Aceh. Dan, daripada kajian tentang peperiksaan bahasa Melayu sekolah rendah hingga kepada kajian perbandingan pencapaian pelajar di Malaysia dan Australia.

Akademika sejak keluaran sulungnya telah membuka pintunya kepada penyumbang daripada luar UKM. Muhammad 'Uthman El-Muhammady daripada Universiti Malaya turut menerbitkan makalahnya dalam keluaran sulung *Akademika*. Makalah lain adalah daripada kakitangan UKM yang masih muda iaitu: Abdul Halim Ismail; Abu Hassan Othman; Farid M. Onn; Sham Sani; Teuku Ibrahim Alfian dan Wan Rafaei Abdul Rahman. Kesemua mereka kemudiannya telah menempa kejayaan cemerlang dalam kerjaya sebagai sarjana di UKM. Abdul Halim meninggalkan UKM untuk menerajui Bank Islam Berhad. Abu Hassan Othman selain menjadi profesor, telah mengasaskan dan menerajui Universiti Malaysia Sabah sebagai Naib Canselor sejak awal 1990-an. Wan Rafaei selain menjadi profesor, telah juga berhijrah ke Universiti Malaysia Sabah dan kemudian ke Universiti Utara Malaysia. Manakala Farid M. Onn selain menjadi profesor, dipinjamkan sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Dewan Bahasa dan Pustaka

sebelum bersara daripada UKM. Sham Sani, kekal di UKM dan mengakhiri khidmatnya sebagai profesor dan Naib Canselor (1993-1998).

RANJAU DAN ONAK 30 TAHUN AKADEMIKA

Keluaran terbaru *Akademika* adalah bilangan ke-61, terbit dengan imprint Julai 2002. Abdul Rahman Embong, kini profesor di UKM dan juga anggota sidang pengarang pertamanya masih tekun menyaring, menilai, menyunting dan merombak makalah selaku ketua editor yang dilantik mulai Mac 1998 sehingga Ogos 2002. Selain mempunyai sidang editornya sendiri *Akademika* sejak keluaran ke-53 (Julai 1998) buat pertama kali mempunyai Lembaga Penasihat Antarabangsa.

DASAR EDITORIAL

Sidang Editor sesebuah jurnal mesti menjelaskan bentuk makalah yang menjadi keutamaan jurnalnya. Di sinilah letaknya kepentingan dasar dan matlamat editorial. Martin (1990) meletakkan sasaran menjadikan jurnal pimpinannya lebih *visible* sebagai rujukan dalam bidangnya. Oleh itu, makalah yang dipilihnya mesti memperlihatkan kepelbagaiannya kaedah penyelidikan; penyelidikan yang relevan serta dapat digunakan; serta menggalakkan penerbitan makalah daripada pelbagai bidang pengkhususan. Beliau dengan jelas menyenaraikan jenis manuskrip yang digalakkan penghantarnya, iaitu: ulasan ilmiah yang memberi analisis kritikal secara konseptual dan sofistikated; tulisan yang mengandungi kritik secara berfalsafah dan berkaedadah; dan penyelidikan perbandingan yang menyelidiki sasaran penyelidikan yang sama, tetapi soalan, atau set data daripada kaedadah dan perspektif konseptual yang lain.

Sejak mula diterbitkan sehingga ke keluaran ke-53, dasar editorial *Akademika* tidak pernah digariskan secara jelas. Malahan keluaran pertama *Akademika* terbit tanpa sebarang catatan editor. Hanya pada keluaran ke-20 dan ke-21 apabila ada keluaran khas bersempena sepuluh tahun *Akademika* pada 1982, barulah pembaca dapat menatap catatan editor yang hanya mengulas tentang kandungan makalah yang dihimpun dalam keluaran tersebut. Keadaan ini berbeza dengan amalan kebanyakan jurnal di Barat.

Misalnya, Borders, L. D. (1996) semasa mula mengetuai sidang pengarang *Jurnal of Counseling & Development* (JCD) menggariskan tafsirannya tentang kegunaan utama serta fungsi jurnal yang diterajuinya. Pertama, *JCD* adalah rekod ilmiah bagi profesion kaunseling. Ilmiah bukan sahaja bermakna penyelidikan empirikal, tetapi juga ulasan rencana, penjelasan tentang kaedadah kaunseling yang inovatif, dan latihan serta kaedadah-kaedadah penyeliaan kaunselor, malahan temu bual atau profil profesional dalam bidang tersebut. Kedua, *JCD* memenuhi keperluan, minat dan kepentingan sarjana bidang tersebut. Bertolak daripada falsafah ini, beliau selanjutnya menggariskan pula matlamat jurnal itu iaitu: untuk

menerbitkan penyelidikan ilmiah yang menjelaskan amalan dalam bidang kaunseling; untuk mengembangkan keberkesanan profesional dalam bidang tersebut (kaunseling); untuk menjawab pelbagai persoalan dalam bidang tersebut; untuk merangsang pemikiran tentang isu-isu kritikal; untuk sentiasa memeriksa profesion kaunseling dalam konteks masyarakat yang lebih luas; untuk menjelaskan dengan lebih lanjut profesion kaunseling; dan untuk mendidik pengarang. Sungguhpun Borders (1996) memulakan editorialnya dengan beberapa dasar yang tegas namun beliau menganggap tugasnya mencabar, memberi kepuasan malahan menghiburkan. “... editorial work can be intellectually challenging, professionally satisfying, and even fun. I have the opportunity to read and learn from an incredible array of manuscripts, communicate and work with their authors, be educated by the expertise of reviewers, and hear the reactions of readers ...”

Claiborn (1990) dalam editorialnya menegaskan bahawa jurnal yang dipimpinnya adalah suatu forum ilmiah – tempat sesuatu idea diamati, diuji, dijernihkan, atau difikirkan kembali. Jurnal menjadi wadah pertemuan segala teori, amali, dan penyelidikan dalam mencipta makna dan pengertian. Penyatuan ini akan menjadikan kerja-kerja sarjana dianggap ilmiah dan empiris. Oleh yang demikian, setiap makalah sama ada yang berbentuk empiris atau konseptual mestilah ada kaitannya dengan bidang dan kepakaran pengarangnya. Claiborn juga menekankan keutamaannya kepada makalah yang kaya dengan ulasan kritikal. Makalah yang kritikal dapat menyatukan perkembangan teori, amali dan penyelidikan. Justeru, beliau mengutamakan karya yang berdasarkan penyelidikan asli. Suatu sifat utama jurnal ilmiah ialah menerbitkan karya asli, melaporkan penemuan dan data terbaru serta belum pernah diterbitkan.

Apabila mengambil alih teraju sidang pengarang *Akademika* pada Mac 1998, Abdul Rahman Embong membuat perubahan besar dengan melantik sebuah sidang pengarang yang baru untuk membantunya di samping melantik 13 orang anggota Lembaga Penasihat Antarabangsa. Selain empat orang sarjana kanan daripada UKM sendiri dalam Lembaga tersebut, terdapat sarjana luar negeri iaitu Teuku Ibrahim Alfian (Universitas Gadjah Mada, Indonesia), Chua Beng Huat (NUS, Singapura), Narifumi M. Tachimoto (U. Kyoto, Jepun), Clive C. Kessler (UNSW, Australia), Harold Crouch (ANU, Australia), Hans-Dieter Evers (U. Belfield, Jerman), Tommy Svensson (U. Gothenberg, Sweden), dan James Mitelman (American University, AS). Pada keluaran-keluaran yang berikutnya, anggota Lembaga Penasihat Antarabangsa ini diperkuuh oleh beberapa orang sarjana yang juga terkenal dan penting dalam bidang kepakaran masing-masing.

Buat pertama kali dalam sejarahnya, *Akademika* ke-53 terbit dengan suara ketua editornya yang dengan jelas menggariskan beberapa persoalan pokok. Beliau menggariskan dasar editorial *Akademika* yang jelas. Dalam rencana pengarangnya juga, Abdul Rahman (1998) mengupas cabaran yang dihadapi oleh sarjana dan bidang sains sosial dan kemanusiaan, menjelaskan konsep dan

tuntutan Aliran Bangi serta rasional mewujudkan Lembaga Penasihat Antarabangsa.

Akademika mulai keluaran ke-53 juga menggariskan beberapa panduan baru kepada pengarang yang ingin menyumbangkan makalah kepada *Akademika*. Panduan ini diterbitkan dalam setiap keluaran pada beberapa halaman terakhir *Akademika* dalam dua bahasa. Ini adalah satu lagi perubahan yang dilakukan oleh editor dan penerbitnya. Mulai keluaran tersebut juga, senarai penyumbang diterbitkan berserta biodata ringkas. Langkah baru ini mengangkat citra dan mutu *Akademika* selain memberi latar tentang bidang kepakaran setiap penyumbang. Dengan latar diri setiap penyumbang, dapatlah pembaca meyakini bahawa mereka adalah pakar dalam bidang masing-masing dan makalah tidak diterbitkan secara tangkap muat. Langkah ini juga membuktikan sikap sidang pengarang *Akademika* yang lebih berpilih, cermat dan teliti dalam menyaring setiap makalah yang diterbitkan serta melaksanakan sistem pewasitan yang rapi.

KETUA EDITOR

Kajian oleh Williams dan Buboltz Jr. (1999) dan Pelsma dan Cesari (1989) mendapati perubahan editor akan turut merubah penekanan kandungan jurnal. Penekanan serta hala tuju seseorang editor memang memberi kesan kepada kandungan sesebuah jurnal pimpinannya. Melihat pengalaman *Akademika*, hal ini agak jelas apabila dilihat kandungan makalah selama 30 tahun mengikut bidang.

Tugas dan tanggungjawab memimpin sebuah jurnal ilmiah adalah berat bagi seorang kakitangan akademik. Pemimpin sebuah jurnal ilmiah bukan saja mesti seorang sarjana kanan dan berpengalaman tetapi juga mesti dikenali dan dihormati dalam bidangnya. Bagi memudahkan urusan mendapatkan makalah dan mempercepat kerja-kerja mewasit, Ketua Editor juga mesti mempunyai jaringan keilmuan yang luas. Inilah masalah utama *Akademika* pada peringkat awal penerbitannya.

Sepanjang tiga dekad, *Akademika* dipimpin oleh 11 orang ketua editor, lima orang daripada bidang antropologi dan sosiologi, dua daripada geografi, dan masing-masing seorang daripada ekonomi, sejarah, psikologi dan kajian strategik. Kepimpinan *Akademika* sedikit sebanyak mempengaruhi pola dan komposisi makalah yang diterbitkan di dalamnya sepanjang 60 keluaran (Jadual 2).

Abdul Samad Hadi paling lama memimpin jurnal ini, iaitu sejak keluaran ke-35 hingga ke-52 (Julai 1989 hingga Januari 1998). Wan Rafaei Abdul Rahman memimpin *Akademika* dua kali iaitu bagi keluaran ke-3 hingga keluaran ke-5 (Julai 1973 hingga Julai 1974) dan bagi tempoh keluaran ke-30 hingga keluaran ke-34 (Januari 1987 hingga Januari 1989). Abdul Samad dan Wan Rafaei termasuk dalam lima penyumbang paling banyak makalahnya di *Akademika* (Jadual 3).

JADUAL 2. Ketua Editor *Akademika*, 1972-2002

Ketua Editor	Tempoh	Bidang
Abdul Halim Ismail	no. 1-2 (Jul. 1972 – Jan. 1973)	ekonomi
Wan Rafaei Abdul Rahman	no. 3-5 (Jul. 1973 – Jul. 1974)	psikologi
Mohd. Amin Hassan	no. 6-8 (Jan. 1975 – Jan. 1976)	antropologi dan sosiologi
Rustum A. Sani	no. 9-13 (Jul. 1976 – Jul. 1978)	antropologi dan sosiologi
Zakaria Ahmad	no. 14-18 (Jan. 1979 – Jan. 1981)	strategik dan antarabangsa
Hairi Abdullah	no. 19-26 (Jul. 1981 – Jan. 1985)	antropologi dan sosiologi
Asmah Ahmad	no. 27-29 (Jul. 1985 – Jul. 1986)	geografi
Wan Rafaei Abdul Rahman	no. 30-34 (Jan. 1987 – Jan. 1989)	psikologi
Abdul Samad Hadi	no. 35-52 (Jul. 1989 – Jan. 1998)	geografi
Abdul Rahman Embong	no. 53-60 (Jul. 1998 – Jan. 2002)	antropologi dan sosiologi
Rahimah Abdul Aziz	no. 61 (Jul. 2002 –)	antropologi dan sosiologi

JADUAL 3. *Akademika*: Penyumbang makalah paling banyak

Pengarang	No. keluaran
Sham Sani (16)	1:85, 3:1, 6:45, 10:37, 14:43, 15:11, 18:37, 22:21, 25:61, 26:3, 35:87, 36:33, 38:87, 39:125, 42 & 43:159, 57:3
Abdullah Taib (7)	2:29, 3:15, 14:1, 15:1, 17:1, 20 & 21:357, 34:3
Abdul Samad Hadi (6)	2:19, 5:1, 6:45, 19:39, 22:63, 58:3
Shamsul A.B. (5)	7:79, 20 & 21:219, 53:33, 55:3
Wan Rafaei (5)	1:105, 2:63, 4:15, 5:31, 23:83, 46:75, 50:25

MAKALAH

Di Barat, prestasi sesebuah jurnal selalunya diukur selepas beberapa keluaran. Donan, Elizabeth dan Lawrence (1996) menganalisis kandungan *Journal of Consumer Affairs* 1985-94. Analisis mereka meliputi pembahagian bidang serta latar diri penyumbangnya termasuk institusi yang mereka wakili dan jawatan serta

hal-hal kepengarangan. Hasil analisis ini dijadikan ukuran sejauh mana jurnal ini memenuhi dasar editorialnya. Bennett dan Rowe (1991) pula menyelidiki prestasi lima tahun *Jurnal of Multicultural Counseling and Development*. Mereka juga melihat pengarang dan bidang makalahnya, metodologi yang digunakan, sama ada kajian empirikal atau tidak, atau makalah yang bersifat konseptual selain aspek kepengarangan. Maklumat ini digunakan oleh sidang editor dan penerbit bagi meletakkan perjalanan jurnal mereka di atas landasan yang betul.

Bagi *Akademika*, sejak 1972 hingga 2002, sejumlah 397 makalah telah diterbitkan oleh 302 pengarang daripada pelbagai universiti dalam dan luar negeri. Tempoh keluaran 40 hingga ke-52 atau sekitar tahun 1992-98 adalah tempoh tenat bagi *Akademika*. Makalah berjudul "Proses alternasi morfem dan penentuan morfem dasar: beberapa persoalan teori" oleh Zaharani Ahmad terbit dua kali iaitu dalam keluaran ke-40 dan ke-44. Pada tempoh ini juga, *Akademika* terbit tidak mengikut masa, kebanyakannya lambat, kurangnya makalah untuk diterbitkan. Kemuncak segala kesulitan *Akademika* ialah kegagalan sidang pengarangnya menguruskan penerbitannya yang ke-41 sehingga keluaran tersebut gagal menemui pembacanya.

Jadual 4 yang menghuraikan kandungan makalah dalam *Akademika* mengikut bidang menjelaskan bahawa kebanyakan makalah disumbangkan oleh sarjana bidang antropologi dan sosiologi. Keadaan ini selaras dengan penguasaan mereka dalam memimpin jurnal ini. Bermakna juga terdapat pengaruh ketua editor dan sidang editor dalam mencorakkan kandungan *Akademika*. Namun demikian, sarjana dalam bidang antropologi dan sosiologi diakui antara yang paling aktif di UKM. Persidangan kebangsaan sains sosial yang julung-julung kali diadakan

JADUAL 4. Pecahan komposisi kandungan makalah *Akademika* mengikut bidang

Bidang	Peratus
antropologi dan sosiologi	33.0
geografi	19.3
ekonomi	13.0
bahasa, kebudayaan, kesusastraan Melayu	7.56
psikologi	5.6
sejarah	5.0
pendidikan	4.2
komunikasi	3.6
bahasa Inggeris	2.8
falsafah	2.52
pengajian Islam	1.96
lain-lain (pentadbiran awam, kesihatan masyarakat, sains politik, pertanian, hubungan antarabangsa)	1.46
Jumlah	100.0

di Malaysia dianjurkan oleh sarjana antropologi dan sosiologi daripada Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM pada Ogos 1974 (jawatankuasa Perancang Konferensi 1974). Bahkan *Jurnal Antropoloji dan Sosioloji* pada awalnya digerakkan oleh mahasiswa di Jabatan yang sama. Jurnal ini kemudian maju di Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM (Sharifah Zaleha Mohd. Shamsudin 1992, 20; 46). Demikianlah suburnya senario kesarjanaan yang tumbuh di kalangan sarjana sains sosial bidang antropologi dan sosiologi ketika itu. Subbidang yang diwakili dalam antropologi dan sosiologi juga adalah pelbagai dan sama rata memandangkan ramainya sarjana dalam bidang ini menyumbangkan makalah untuk *Akademika*. Keadaan ini berbeza bagi bidang geografi kerana banyak dipengaruhi oleh Sham Sani yang lebih cenderung kepada kajian alam sekitar terutamanya kajian pencemaran di Lembah Klang khususnya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Jumlah makalah daripada bidang psikologi adalah rendah berbanding bidang lain dan bahkan memperlihatkan jumlah penerbitan yang semakin kurang dalam *Akademika* kebelakangan ini. Keadaan ini membimbangkan kerana bidang psikologi tidak mempunyai jurnal yang mapan di luar UKM. *Jurnal Psikologi Malaysia* (mula terbit 1983) sudah dihentikan penerbitannya oleh Penerbit UKM pada 1995.

Keadaan tidak begitu membimbangkan bagi bidang lain seperti pengajian Islam, sejarah, pendidikan dan pengajian Melayu kerana bagi bidang ini masing-masing mempunyai pelbagai jurnal lain yang agak kuat. Bidang pengajian Islam mempunyai *Islamiyat* dan pada suatu ketika ada *al-Mauizzah* yang kini sudah dihentikan apabila *Islamiyat* ditambah menjadi dua keluaran setahun selain banyak jurnal pengajian Islam lain di luar UKM.

Di Malaysia juga terdapat terlalu banyak jurnal bidang pendidikan selain adanya *Jurnal Pendidikan UKM*. Bagi bidang sejarah juga tidak menjadi masalah. Hal ini semua merupakan antara sebab mengapa bagi bidang-bidang ini, jumlah sumbangan makalah ke *Akademika* adalah kurang berbanding tiga bidang teratas.

Apa yang lebih menarik kajian ini menemui beberapa bidang baru yang mendapat tempat yang baik dalam *Akademika*. Sungguhpun jumlahnya kecil (1.46%), namun ini akan menjadi *niche* baru bagi penyelidikan dan penulisan dalam bidang sains sosial di negara ini. Antara lain, bidang-bidang ini termasuklah pentadbiran awam, kesihatan masyarakat, sains politik dan hubungan antarabangsa.

Lebih jauh daripada itu, *Akademika* juga memberi ruang kepada pengarang dan makalah yang boleh dianggap berada di luar bidang sains sosial dan kemanusiaan. Fenomena ini dijelaskan dalam Jadual 5. Apakah keadaan ini berlaku secara spontan iaitu makalah diterbitkan tanpa amalan pewasitan yang ketat, terutama semasa *Akademika* berada dalam tempoh tenatnya ataukah sememangnya penerbitan makalah-makalah tersebut ada hubungannya dengan mana-mana bidang dalam sains sosial dan kemanusiaan, perlulah suatu kajian yang lebih mendalam dan rapi dilakukan.

JADUAL 5. Penyumbang *Akademika* bukan dari disiplin sains sosial dan kemanusiaan

Pengarang	Bidang
Abdul Latif Samian (44:125-36)	matematik/falsafah sains
Ahmad Badri Mohammad (26:63-76)	biologi/botani/alam sekitar
Mazlan Othman (26:7-12)	fizik/astronomi
Che Husna Azhari (51:xxx)	kejuruteraan
Tengku Mohd. Azzman Sharifaddeen	kejuruteraan/sains komputer
Osman Ali (36:87-102; 47:49-55; 56:107-20)	perubatan
Aishah Ahmad Makinuddin (56:107-20)	perubatan
Mohd. Yunos Abdullah (36:87-102)	perubatan
Zaleha Md. Isa (47:49-55)	perubatan
Norani Mohd. Salleh (56:135-46)	perubatan
Mohd. Sham Kasim (56:135-46)	perubatan
Khalid Abdul Kadir (47:49-55)	perubatan
Mohd. Nasir Mohd. Taib (38:59-72)	perubatan
Jamal Hisham Hashim (49:83-93)	perubatan
Zalina Hashim (49:83-93)	perubatan
K. L. Phua (58:45-57)	perubatan

KELUARAN-KELUARAN KHAS

Akademika terbit dalam bentuk keluaran khas sebanyak lapan kali dalam sejarahnya. Strategi ini adalah baik dalam usaha memperoleh makalah yang baik mewakili sesuatu tema dan dapat pula mengundang pengarang terbaik dalam subjek tertentu.

Williams dan Buboltz Jr. (1999) dan Pelsma dan Cesari (1989) dalam kajian mereka mendapati, selain perubahan editor, pelbagai keluaran khas bagi topik tertentu dapat mempengaruhi perubahan penekanan pada kandungan jurnal. Ini mempengaruhi komposisi pengarang dan subjek dalam korpus yang dibina oleh sebuah jurnal. *Akademika* buat pertama kali menerbitkan kumpulan makalah daripada suatu seminar dalam keluarannya yang ke-6 pada 1975. Lima makalah dalam keluaran tersebut adalah daripada "Seminar Aliran Kini Dalam Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan di Malaysia", yang dianjurkan oleh fakulti tersebut pada Oktober 1974.

Kemudian, keluaran khas terbit dalam *Akademika* 20 & 21 (Masyarakat Tani dan Pemodenan); 26 (Isu-isu Semasa Alam Sekitar di Malaysia); 30 (Perubahan Sosiobudaya Akibat Pembangunan Ekonomi dan Kemajuan Teknologi); 32 & 33 (Teknologi Komunikasi); 35 (Orang Asli: Isu dan Orientasi); 42 & 43 (Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia); 48 (Orang Asli: Kehidupan Sosial dan Pembangunan); 55 (Identiti dan Pembentukan Identiti). Keluaran khas ini memberi kesan terhadap komposisi makalah di *Akademika* selama 30 tahun.

ULASAN BUKU, NOTA PENYELIDIKAN DAN PANDUAN KEPADA PENGARANG

Terdapat usaha daripada awal lagi daripada sidang pengarang bagi mempelbagaikan kandungan *Akademika* sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah jurnal ilmiah. Sidang pengarang nampaknya berhasrat menjadikan *Akademika* sebagai pentas menyemarakkan penerbitan buku ilmiah baru. Niat ini amat jelas apabila *Akademika* menyenaraikan nama Ungku Maimunah Mohd. Tahir sebagai Pengarang Ulasan Buku mulai keluaran ke-9 iaitu pada keluaran Julai 1996. Amalan ini diharapkan nanti akan dapat dipanjangkan sehingga makalah dalam *Akademika* sendiri akan saling sahut menyahut dan berkata-kata di antara satu sama lain. Ini nanti akan dapat menjadi punca percambahan idea, postulat atau teori baru.

Walau bagaimanapun, hanya pada keluaran ke-9 dan ke-10 diterbitkan ulasan buku; satu judul untuk keluaran ke-9 dan ulasan bagi dua judul buku pada keluaran ke-10. Mulai keluaran ke-16, tidak lagi kelihatan nama Pengarang Ulasan Buku pada senarai sidang pengarang. Pada waktu tersebut, menurut Ungku Maimunah, adalah amat sukar sama sekali bagi memperoleh ulasan atau kritikan buku daripada sarjana tempatan. Akan tetapi, ulasan buku giat diterbitkan semula mulai keluaran ke-53 pada Julai 1998.

Sidang pengarang *Akademika* juga memperlihatkan usaha mempelbagaikan bahan-bahan terbitannya dengan menerbitkan nota teknikal penyelidikan oleh Sharifah Mastura Syed Abdullah (15:57-66) mulai keluaran ke-15. Genre nota penyelidikan diwujudkan bagi menggalakkan sarjana menerbitkan laporan awal pelbagai penemuan dan data penyelidikan yang sedang mereka jalankan. Selepas nota yang satu itu, tidak ada nota teknikal lain yang diterbitkan sehingga pada keluaran ke-53 dan seterusnya.

Pada beberapa halaman terakhir keluaran ke-15 juga digariskan "Catatan kepada penulis, gaya penulisan *Akademika*" dalam dua bahasa. Pedoman ini sudah tentu dengan tujuan mewujudkan gaya yang piawai bagi *Akademika*. Ini melibatkan penyeragaman menulis judul, nama pengarang, membuat catatan, rujukan dan senarai bibliografi.

Walau bagaimanapun, selepas sekian lama ditiadakan, kedua-dua ruangan penting dalam sebuah jurnal ilmiah ini, iaitu ulasan buku dan nota penyelidikan muncul kembali mulai keluaran ke-53 dan seterusnya. Pada keseluruhananya, *Akademika* menerbitkan ulasan bagi 15 judul buku, 13 nota penyelidikan, 1 laporan persidangan, dan 1 rencana ulasan. Oleh kerana jumlah judul buku yang diulas terlalu kecil bilangannya, adalah sukar membuat analisis tentang trend ulasan buku dalam *Akademika*. Walau bagaimanapun, majoriti buku yang diulas adalah buku dalam bahasa Inggeris dan ulasan juga majoritinya dalam bahasa Inggeris. Buku yang menjadi tumpuan ulasan adalah judul yang berkait dengan bangsa Melayu, negara Malaysia dan Asia Tenggara.

PENYUMBANG TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Pada peringkat awal penubuhan UKM, ramai kakitangan akademiknya diambil dari Indonesia. Kesannya sedikit sebanyak dapat juga dilihat pada makalah yang disumbangkan di *Akademika*. Setidak-tidaknya sehingga keluaran ke-9, *Akademika* banyak menerbitkan karya pengarang Indonesia. Selepas beberapa tahun, kakitangan akademik UKM dan sarjana luar negeri semakin ramai menyumbangkan makalah untuk *Akademika*. Ini jelas dilihat dalam Jadual 6 dan Jadual 7. Pada awalnya, penyumbang dari kalangan sarjana Barat adalah daripada kalangan mereka yang menjadi kakitangan kontrak di UKM. Kemudiannya, *Akademika* turut menerima sumbangan makalah daripada sarjana dari luar negara yang tidak berkhidmat di UKM.

Penyumbang daripada kalangan sarjana luar negeri ialah seperti berikut: National University of Singapore (6 penyumbang), Chulalongkorn University (3 penyumbang), dan dua penyumbang masing-masing daripada Ohio University, Ohio State University, University of New South Wales dan Monash University. Penyumbang lain adalah daripada sarjana pelbagai universiti lain di seluruh dunia.

Majoriti penyumbang makalah bagi *Akademika* adalah kakitangan akademik bidang sains sosial dan kemanusiaan di UKM. Ramai juga penyumbang daripada universiti lain di Malaysia dengan jumlah paling ramai datangnya daripada Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia – UPM) (Jadual 8). Kebanyakan makalah (87%) ditulis oleh pengarang tunggal, 11% oleh dua pengarang, 4% oleh tiga pengarang dan hanya 2% oleh empat pengarang. Ini menunjukkan amalan menenggek nama tidak berlaku berleluasa di *Akademika* seperti halnya dalam jurnal bidang Sains dan Teknologi dan bidang Perubatan.

JADUAL 6. Penyumbang makalah daripada sarjana luar yang berkhidmat di UKM

-
- Teuku Ibrahim Alfian 1: 95-104
 - Soerastopo Hadisoemarno 3:59-66
 - Widjono Ngoedijo 4:43-56
 - Dahnil Adnani 5:11-30; 6:31-44
 - Mangantar Simanjuntak 9:59-76
 - James T. Collins 55:133-48
 - M. B. Hooker 48:21-50
 - Rudiger Korff 55:167-82
 - Hilde Groth 7:43-74
 - Laurent Metzger 12:77-83
 - Linda Amy Kimball 2:47-61
 - Niel John Funston 6:1-16
 - S. M. Childs 4:1-13
 - Rudolphe de Koninck 22:3-19
 - T. G. Mc Gee 23:3-20
 - Mark J. Valencia 26:93-118
-

JADUAL 7. Penyumbang makalah dari institusi luar negara

Churairat Chandhamrong 30:17-28	Thammasat University
Orawan Pilunod 32 & 33:71-84	Chulalongkorn University
Surichai Wun' Gaeo 30:7-16	Chulalongkorn University
Preecha Kuwinpant 30:91-108	Chulalongkorn University
Supit Karnjanapun 32 & 33: 47-54	Ohio State University
Jan Sarvae 32 & 33:103-16	Ohio State University
Drew O. McDaniel 42 & 43:29-44	Ohio University
Mary C. Keifer 42 & 43:223-36	Ohio University
May Anne Flournoy 42 & 43: 237-54	Ohio University
Thomas Menkhoff	National University of Singapore
Anne Wee 30:59-72	National University of Singapore
Chiew Seen-Kong 30:73-90	National University of Singapore
Syed Farid Alatas 53:3-12	National University of Singapore
Vineeta Sinha 59:75-94	National University Of Singapore
John Clammer 20 & 21:13-26	National University of Singapore
J. A. Keats 5:31-41; 9:21-28	University of New Castle
D. M Keats 5:31-41; 9:21-28	University of New Castle
Leslie N. O'Brien 14:31-42	Monash University
Laurence Siau 3:35-45	Monash University
J.Peter Brosins 42 & 43:87-104	University of Georgia
R.W. Armstrong 42 & 43:125-42	University of Illinois at Urbana
Solvay Gerke 56:147-60, 60:87-104	University of Bonn
Hans-Dieter Evers	University Bielefeld
Fadzilah Majid Cooke	Australia National University
Sheila Nair 54:55-80	Northern Arizona University
Flores Tanjung 52:49-63	IKIP, Medan, Indonesia
Kamsiah Abdullah 49:3-21	Nanyang Technical University
Masudul Alam Choudhury 46:89-116	University College of Cape Breton, Kanada
S. H. Heng 58:83-98	University of South Australia
Jang Aishah Mutalib 20 & 21:149-67	Universitas Gadjah Mada
Andrew Turton 20 & 21:115-47	SOAS, London
Ho Kwon Ping 20 & 21:13-26	FEER, Hong Kong
Syogyo 30:109-118	Institut Pertanian Bogor
V. Selvaratnam 20 & 21:421-43	RIHED, Singapura
Rosario E. Maminta 32 & 33:127-38	University of Phillipines
Lee Becker 11:63-72	University of Illinois
Chitaru Isogai 32 & 33:85-92	? Jepun
Binod C.Agrawal 32 & 33:93-102	? India
Michael M. Grunberg	?
Hyup Choi 30:49-58	Korea Selatan
Eduardo C. Tadem 20 & 21:169-90; 30:119-31	

JADUAL 8. Penyumbang makalah mengikut institusi

<i>Universiti Sains Malaysia</i>	<i>Universiti Pertanian Malaysia</i> (kini Universiti Putra Malaysia – UPM)
Kassim Ahmad 23:137-45	Noran Fauziah 40:51-68
Haron Daud 31:3-14	Ahmad Mahdzan Ayob 40:51-68
Chan Ngai Weng 49:107-137	Abdul Rahman Aroff 40:51-68
Ruslan Rainis 59:3-32	Mohd. Fadzilah Kamsah 32:55-70
Tarmiji Masron 59: 3-32	Rozumah Baharudin 49:95-106
Moha Asri Abdullah 47: 69-83; 52:35-47	Rohani Abdullah 49:95-106
Mansor Mohd. Nor 55:61-82	Yew Saw Bee 49:95-106
Lim Teck Gee 20 & 21:263-325	Ruth Kiew 48:3-20
Davis S. Gibbons 20 & 21:263-325	Ahmad Shuib 47:37-48
Shukor Kassim 20 & 21:263-325	Mohd. Shawahid Othman 39:151-170
Muhammad Iqbal Mohd. Said 20 & 21: 327-55	Abdul Aziz Abdul Rahman 39:151-170
Mansor Osman 20 & 21: 373-94	Ahmad Shuib 39:151-170
Qasim Ahmad 3	Zakaria Rashid 39:151-170
<i>Universiti Malaya</i>	Zaleha Md. Isa 47:49-55
S. Husin Ali 20 & 21: 99-113	Habibah Elias 46:75-88
Jomo K. S. 20:27-47	Laily Paim 29:21-34
Jamilah Ariffin 18:63-76	J. Shamsuddin 27:57-52
Shahril Talib 20:445-67	Md Pishal Abd. Raub 37:33-60
Norazit Selat 20:205-217	Abdullah al-Hadi Muhammed 38:59-72
Khairulmaini Osman Salleh 50:43-56	Mohd. Nasir Mohd. Taib 38:59-72
Manjit S. Sidhu 9:29-40	Jamal Hisham Hashim 49:83-93
Mohd. Hazim Shah 56:65-83	Zalina Hashim 49:83-93
<i>Universiti Islam Antarabangsa</i>	Azman Zainal Abidin 49:83-93
Abdul Rashid Moten 57:67-86	W. H. Wan Sulaiman 27:57-72
El Fatih A. Abdel Salam 58:59-81	
<i>Universiti Teknologi Malaysia</i>	<i>Universiti Utara Malaysia</i>
Maketap Mohamed 42 & 43:105-124	Manjit S. Sidhu 50:93-101
Mansor Ibrahim 42 & 43:143-57	The Yik Koon 57:87-106
Amran Hamzah 42 & 43:143-57	Hamidi Ismail 59:117-27
Ahmad Tajuddin Kechik 42 & 43:143-57	Tuan Pah Rokiah Syed Hussain 59:117-27
Mohd. Rafee Majid 42 & 43:143-57	

Majoriti penyumbang juga adalah daripada institusi akademik. Namun, terdapat sejumlah pengarang yang datangnya daripada institusi lain (Jadual 9). Sham Sani adalah pengarang yang menerbitkan paling banyak makalah dalam *Akademika* iaitu sebanyak 16 makalah (Jadual 3). Sumbangan beliau dan rakan-rakannya mempengaruhi jumlah keseluruhan makalah dalam bidang geografi

JADUAL 9. Penyumbang *Akademika* daripada institusi bukan universiti

Adi Haji Taha	Muzium Negara
Afifuddin Omar 20 & 21:395-409	MADA
Norhayati Mustapha 42 & 43:7-20	Jabatan Alam Sekitar
Gurmit Singh K. S. 42 & 43:45-67	Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (EPSM)
Salleh M. N. 42 & 43:69-85	FRIM
Pakar C. 26:25-34	Jabatan Kajicuaca Malaysia
Abu Bakar Jaafar 26:93-118	Jabatan Alam Sekitar
Abd. Hamid Abdullah 30:29-48	KUSZA
Khalidah Mustapha 29:21-34	Jabatan Kebajikan Masyarakat, Johor

dan meletakkannya pada tempat kedua paling banyak. Ini juga memberikan gambaran bahawa sarjana dalam bidang geografi sama giat membuat penyelidikan dan menerbitkan penulisan mereka memandangkan wujudnya *Ilmu Alam*, jurnal khusus bagi bidang geografi di UKM.

Dari kalangan penyumbang dalam negara, kebanyakan penyumbang adalah sarjana UKM diikuti oleh UPM, USM, UM dan UTM. Hal ini menunjukkan bahawa *Akademika* menjadi medium perbahasan sarjana sains sosial daripada semua universiti utama di Malaysia. Keadaan ini tentulah didorong oleh dasar sidang editornya yang memberi ruang kepada makalah daripada luar UKM.

Penelitian tentang kedudukan dan status penyumbang pada masa mereka menghantar makalah tidak dapat dipastikan kerana maklumat tentang jawatan hakiki mereka (profesor, profesor madya, pensyarah dan sebagainya) tidak dinyatakan pada peringkat awal penerbitan jurnal ini. Walau bagaimanapun, jika diteliti, mulai keluaran ke-53, kebanyakan makalah dan penyumbang adalah daripada kalangan sarjana yang telah ternama, berpengalaman dan mahir dalam bidang masing-masing. Juga, jika ditinjau daripada keseluruhan nama penyumbang *Akademika* sejak mula diterbitkan, kebanyakan penyumbangnya adalah daripada mereka yang memperlihatkan kemajuan yang baik dalam kerjaya akademik masing-masing.

DARI LEMBAH PANTAI KE PERBATASAN ILMU BARU

Akademika memberi sumbangan bermakna kepada korpus Malaysiana pelbagai bidang ilmu. Dengan jumlah 397 makalah, *Akademika* sudah tentu memberi sumbangan yang besar kepada korpus Malaysiana. Pengelompokan bidang makalah yang diterbitkan menunjukkan sumbangan terbesar datangnya daripada bidang sosiologi dan antropologi (33%), geografi (19%) dan ekonomi (13%).

Sebagai sebuah jurnal bidang sains sosial dan kemanusiaan yang terbit di Malaysia sudah tentu Malaysia menjadi subjek utama dibincangkan sepanjang kewujudan *Akademika*. Pada peringkat awal penerbitannya, makalah yang

menyentuh tentang Malaysia banyak menggarap isu pendidikan kanak-kanak Melayu, pelbagai skim rancangan tanah dan tentang orang Melayu luar bandar. Kemudian muncul makalah yang membahaskan isu penswastaan, pencemaran alam sekitar termasuk udara dan air, seks, perkauman, pekerja kilang dan gejala sosial, politik kebangsaan, Rancangan Lima Tahun Malaysia, serta ekonomi dan Malaysia dalam konteks globalisasi. Selain entri yang banyak tentang Malaysia, orang Melayu juga menjadi subjek yang banyak dibentangkan dalam jurnal ini. Ini termasuklah tentang petani Melayu, anak Melayu di sekolah, masyarakat Melayu, identiti Melayu, bahasa dan bangsa Melayu. Sehingga ke keluaran ke-20 dan ke-21 sekurang-kurangnya, *Akademika* masih kuat memberikan penekanan kepada persoalan kaum tani. Ini jelas daripada editorialnya yang menegaskan: "...(dengan) itu terbitan istimewa *Akademika* ini diharap akan dapat memberi sebahagian daripada dimensa masalah yang semakin luas dihadapi oleh masyarakat tani" (Hairi Abdullah & H.M. Dahlan 1982).

Namun demikian, wajah, pandangan serta sikap ahli sains sosial pada ketika itu turut menarik perhatian ketua editor *Akademika*. Dalam rencana pengarangnya pada 1984, Hairi menyatakan: "Pendekatan dan polemik falsafah dan teori yang meluas di kalangan ahli-ahli sains sosial pada dekad-dekad enam puluhan tidak terhad semata-mata mengenai isu akademik, tetapi polemik itu mencerminkan sikap mereka terhadap seluruh isu kehidupan manusia yang lebih luas dan mendalam sifatnya. Bagaimana keadaan dan kedudukan ahli-ahli sains sosial pada dekad tujuh puluhan dan lapan puluhan? ...".

Selain isu petani Melayu, Kuala Lumpur juga suatu topik yang kerap dibahaskan dalam *Akademika*. Antara lain isu yang banyak dibincangkan termasuklah masalah banjir, penduduk setinggan dan rumah pangsa, pencemaran udara, pembandaran dan urbanisasi. Dalam beberapa makalah, Kuala Lumpur juga dibincangkan bersama Petaling Jaya.

Kebaharuan serta perubahan isu-isu yang dibahas dan dibentangkan dalam *Akademika* mulai ketara pada keluaran khas ke-26 (Januari 1985) yang memuat pelbagai makalah yang bersangkut dengan alam sekitar. Hal ini dapat dilihat daripada nota editor yang menjelaskan bahawa "Keluaran *Akademika* kali ini mengandungi beberapa sumbangan khusus memperkatakan isu-isu semasa mengenai alam sekitar di Malaysia. Beberapa daripada isu yang dibincangkan merupakan topik yang memang telah lama diperdebatkan, sementara yang lain seperti isu pencemaran bunyi bising dan pengurusan Selat Melaka adalah isu-isu 'baru' yang muncul hanya dalam beberapa tahun kebelakangan ini sahaja."

Meneliti pelbagai kata kunci yang muncul di *Akademika*, kita dapat melihat pertumbuhan ilmu pelbagai bidang di UKM, di Malaysia, di Asia Tenggara dan di seluruh dunia dibahaskan dalam jurnal ini. Kita melihat *Akademika* pada mulanya memberi ruang kepada pelbagai isu dan persoalan di sekitar Lembah Pantai termasuk Kg. Kerinci, Kg. Abdullah Hukum, Kampung Paya serta beberapa tempat lain di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Lama kelamaan *Akademika* mula bergerak ke perbatasan ilmu pelbagai bidang.

Pada keluaran tahun 1972, kita hanya temui kata kunci seperti orang Melayu luar bandar, Dasar Ekonomi Baru, pembangunan desa, kemiskinan dan sebagainya. Mutakhir ini kita temui kata kunci seperti penjajahan bentuk baru, globalisasi, teknologi maklumat, dunia siber dan ICT. Bahkan, keluaran *Akademika* ke-32 dan ke-33 khusus memuatkan pelbagai makalah tentang teknologi komunikasi. Perubahan ketara dalam pelbagai disiplin ilmu di dalam sains sosial dan kemanusiaan ini, selain dibincangkan oleh Sharifah Zaleha dan Mohd. Shamsudin (1992), dan Abdul Rahman (1995), telah diungkapkan dengan tegas dalam rencana pengarang *Akademika* keluaran ke-53 pada Julai 1998. Abdul Rahman (1998: 3-8), selaku Ketua Editor menulis:

Masyarakat manusia pada akhir abad ke-20 kini sedang menghadapi pergolakan besar dan mengalami perubahan yang pesat dan mendalam. Bidang ilmu pula terus menerus berkembang. Untuk memainkan peranannya dengan lebih berkesan pada masaa hadapan, Lembaga Editorial dan para penyumbang untuk *Akademika* perlu peka terhadap beberapa perkembangan penting, baik dalam bidang ilmu mahupun dalam masyarakat yang turut memberi dampak ke atas bidang ilmu.

Beliau antara lain menarik perhatian kepada pertumbuhan prolifik pelbagai aliran seperti pascamodenisme, pasca-Marxisme, feminism, teori pascakolonial, pengajian budaya dan aliran intelektual lain yang tidak terkongkong dalam bingkai satu-satu disiplin. Seiring dengan perkembangan ini, sempadan antara disiplin mulai cair, sehingga ia menyebabkan bercambahnya kecenderungan multidisiplin. Justeru itu, beliau menganjurkan satu perdebatan yang bermakna diteruskan di antara perspektif teori konvensional/tradisional yang bersifat monodisiplin dengan perspektif multidisiplin.

Selain itu, beliau juga menarik perhatian kepada perkembangan yang berlaku di luar wacana ilmiah yang telah membawa dilema dan cabaran baru kepada kehidupan manusia dan hubungan antarabangsa, serta menguji parameter ilmu pengetahuan dan pengertian ahli sains sosial, dan menghadapkan mereka dengan medan pertarungan intelektual yang baru. Khususnya peningkatan pemikiran neo-liberal di kalangan pemimpin politik dan peneraju dunia perniagaan dan penjelmaannya menjadi dasar pemerintah di serata dunia; peluasan kuasa pasaran dan proses globalisasi dengan pemampatan masa dan ruang; serta perkembangan pesat teknologi maklumat termasuk Internet, telah mencipta perbatasan baru, yang sebahagian besar daripadanya tidak diketahui. Persoalan-persoalan ini perlu diteliti oleh penyumbang *Akademika*. Demikianlah lebarnya jambatan yang dirancang akan dihubungkan oleh *Akademika* dengan dasar baru sidang editornya dan ini lah cabaran baru *Akademika*.

AKADEMIKA, SEBUAH JURNAL ANTARABANGSA

Selain mengekalkan wajahnya sebagai sebuah jurnal ilmiah berwasit, sifat antarabangsa *Akademika* jelas pada aspek bahasa, penyumbang, penyebaran

dan pengedarannya, tajuk yang dibincangkan, serta penerimaan sarjana antarabangsa. Daripada 397 makalah yang tersiar, 263 (67.0%) adalah dalam bahasa Inggeris manakala selebihnya 134 (34.0%) dalam bahasa Melayu. Peratusan makalah dalam bahasa Inggeris ini adalah tinggi sekiranya dilihat falsafah UKM sebagai sebuah universiti kebangsaan yang berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu peringkat tinggi. Mutu bahasa Melayu yang tinggi memang diawasi sejak awal dan ini diakui oleh Farid M. Onn, seorang profesor di bidang bahasa yang mengikuti perkembangan *Akademika* sejak jurnal ini bermula. Sebahagian besar penyumbang *Akademika* yang menulis lebih daripada sekali adalah pengarang dwibahasa.

Daripada 302 pengarang yang pernah menyumbangkan makalah, 83 (27.5%) adalah pengarang dari luar Malaysia. Bagaimanapun, pengarang asing terutama dari Barat, adalah tertumpu pada keluaran-keluaran khas (*Akademika* 20:21:32:35:42:48:55).

Akademika dilanggani oleh hampir kesemua perpustakaan universiti di negara ini. Selain itu, seperti juga *Sojourn* dan *Asian Journal of Social Science*, penyebaran *Akademika* di perpustakaan universiti seluruh dunia adalah ketara. *Akademika* menjadi koleksi kebanyakan perpustakaan yang menawarkan Pengajian Melayu, Pengajian Malaysia, Pengajian Indonesia, Pengajian Asia Tenggara, Pengajian Asia atau Pengajian Afrika dan Asia.

Justeru, jurnal ini dapat dibaca oleh penyelidik di perpustakaan Kyoto University, University of Sydney, Monash University, School of Oriental and African Studies (SOAS) di London, University of California, Ohio University, Leiden, serta perpustakaan besar dan ternama termasuk Library of Congress dan British Library (perpustakaan ini tidak lagi menerima keluaran terbaru *Akademika*).

Kehadiran *Akademika* di kebanyakan perpustakaan yang dianggap strategik bagi bidangnya tentu saja memberikan kelebihan jangka panjang bagi sebuah jurnal yang ingin menjadi wadah perbahasan di kalangan sarjana dalam sains sosial dan kemanusiaan (Jadual 10).

Berdasarkan pengalaman penulis, karya dan penerbitan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan dalam *Akademika* dapat bertahan lama dan masih menerima pesanan walaupun selepas hampir sepuluh tahun diterbitkan. Stok yang masih tinggal bagi *Akademika* keluaran pertama hingga ke-28 adalah jauh di bawah 100 naskhah. Bahkan *Akademika* keluaran 16 – 19 sudah kehabisan stok. Manakala, keluaran pertama hingga 16 masih terdapat 60 naskhah dalam bentuk berjilid iaitu jilid 1-10 dan jilid 11-15. Baki yang sedikit ini menunjukkan *Akademika* yang awal sudah tersebar. Bagi keluaran ke-29 hingga ke-46 masih terdapat antara 100 hingga 200 naskhah dan pesanan dan pembelian masih berlaku. Kedudukan stok bagi keluaran yang awal mesti mengambil kira hakikat bahawa *Akademika* pada masa itu diterbitkan dalam jumlah yang besar. Suatu hal yang menarik perhatian ialah, *Akademika* bagi keluaran ke-53 sudah kehabisan stok. Keadaan ini berlaku kerana pemilihan makalah yang tepat telah mendorong penjualannya dengan lebih baik lagi.

JADUAL 10. Koleksi *Akademika*, *Sojourn* dan *AJSC* di perpustakaan utama seluruh dunia

Perpustakaan	<i>Akademika</i>	<i>Sojourn</i>	<i>AJSC</i>
Kyoto University	/	/	/
University of Sydney	/	/	/
Monash University	/	/	/
School of Oriental and African Studies	/	/	/
University of California at Berkeley	/	/	/
Ohio University	/	/	/
Leiden University	X	/	X
British Library	X	/	X
Cornel University	/	/	/

/ = ada dlm. Koleksi, X = tidak ada dlm. Koleksi

PENGITIRAFAN SARJANA ANTARABANGSA

Beberapa sarjana Barat yang menjadi anggota Lembaga Penasihat Antarabangsa *Akademika* menyampaikan pengiktirafan mereka kepada sidang editor *Akademika* menerusi surat. Profesor Hans-Dieter Evers daripada University of Bonn menganggap *Akademika* memang telah menjadi sebuah "jurnal yang profesional" dan beliau menarik perhatian kepada sebuah artikel oleh Shamsul A.B. "Ethnicity, Class, Culture or Identity? Competing Paradigms in Malaysian Studies" *Akademika* 53 (1998), yang menurutnya, boleh dianggap sebagai satu mercu tanda (*landmark*) dalam bidang sains sosial di Malaysia.

KESIMPULAN: CABARAN UNTUK AKADEMIKA

Artikel ini melihat bagaimana *Akademika* telah berubah daripada hanya merupakan sebuah jurnal UKM dan nasional tiga puluh tahun lalu menjadi sebuah jurnal yang diterima oleh sarjana peringkat antarabangsa. Artikel ini juga melihat bagaimana, sebuah jurnal yang pada mulanya tidak menjelaskan dasar editorialnya secara eksplisit telah kekal diterbitkan sehingga kini. Dapatkan kajian ini memberikan pelbagai gambaran. Sungguhpun *Akademika* terbit di sebuah universiti kebangsaan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tetapi majoriti makalah (67%) yang terbit di *Akademika* selepas tiga dekad adalah dalam bahasa Inggeris dan penyumbangnya agak ramai juga daripada sarjana pelbagai universiti di seluruh dunia. *Akademika* sesungguhnya telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada kemajuan dan pembangunan bidang sains sosial dan kemanusiaan di UKM, di Malaysia dan di peringkat serantau jika pun tidak di peringkat dunia.

Sungguhpun majoriti makalah adalah dalam bidang antropologi dan sosiologi, sarjana dalam bidang lain dalam sains sosial dan kemanusiaan juga mendapat tempat yang baik dalam *Akademika*. Bahkan, jurnal ini juga memberi ruang kepada ramai sarjana dalam bidang sains, teknologi dan perubatan. Para penyumbang bukan sahaja daripada UKM, universiti tempatan bahkan daripada sarjana pelbagai negara di seluruh dunia. Keadaan ini membuktikan *Akademika* sejak awal lagi telah keluar daripada kepompong jabatan dan fakulti bahkan terserlah ke luar negara. Sifat *inbreeding* yang selalu melekat pada kebanyakan jurnal tempatan sama sekali tidak terlihat pada *Akademika* jika disorot indeks pengarangnya ataupun indeks perkara. *Akademika* diterima oleh komunitinya di seluruh dunia berdasarkan penyumbangnya, penggunaan bahasa Inggeris yang banyak, serta capaian jurnal ini bukan sahaja di Internet, bahkan di banyak perpustakaan utama di seluruh dunia. Kandungan *Akademika* telah memberi sumbangan besar kepada pembinaan dan penyuburan korpus bidang sains sosial dan kemanusiaan serta Malaysiana.

Akademika dengan sifat yang ada padanya kini, terbit dan bersaing secara sihat dengan jurnal lain setaraf dengannya termasuk *Sojourn* dan *Asian Journal of Social Science* terutama dalam hal *visibility* di pelbagai khidmat indeks dan abstrak antarabangsa. Namun demikian, Penerbit UKM telah mendalam-taliankan kesemua kandungan jurnal ini sejak keluaran pertama di lamannya. Bahkan beberapa keluaran terbaru *Akademika*, diterbitkan keseluruhan teksnya bagi tempoh yang terhad. Langkah ini dapat juga meningkatkan *visibility* jurnal ini kepada khlayaknya dan sedikit sebanyak memberi kekuatan kepada *Akademika* dalam saingannya untuk kekal sebagai wadah dalam bidangnya.

Agar dapat mengekalkan citra dan ketrampilannya dan supaya terus menjadi gelanggang perbahasan di kalangan ahli sains sosial dan kemanusiaan, *Akademika* akan datang mestilah mengekalkan sifatnya dalam bentuk jurnal ilmiah yang piawai. Ketua pengarang mestilah tokoh berwibawa dan bersuara pada keluaran tertentu bagi memposisikan makalah yang diterbitkan dalam keluaran berkenaan bagi menjadi jambatan menghubungkan pengarang dengan pembaca *Akademika*.

PENGHARGAAN

Diucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ding Choo Ming atas sumbang saran awal, Bealatham Kalimuthu dan Prof. Madya Sulong Mohamad yang membaca draf awal, Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Embong yang menyemak dan membaiki. Terima kasih dan penghargaan juga kepada Prof. Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, Dr. Farid M. Onn dan Dato' Dr. Sham Sani yang turut memberi pandangan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 1995. *Antropologi dan Sosiologi: Menggaris Arah Baru*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1997. Meningkatkan Mutu *Akademika* sebagai Jurnal Antarabangsa. Kertas Kerja Bengkel Sidang Editor Akademika 1/99, UKM, Bangi, 21 Julai.
- _____. 1998. Editorial: Perkembangan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan di Malaysia: Realiti dan Cabaran Baru. *Akademika* 53: 1-5.
- _____. 1999. Mutu Jurnal Sains Sosial UKM Menentukan Arah. Kertas Kerja Bengkel Penerbitan Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 24-25 Oktober. *Akademika* 1 (Julai 1972) hingga Bil. 61 (Julai 2002).
- Bennett, S. K. & Rowe W. 1991. A Content Analysis of the JMCD revisited: How Are We Doing Five Years Later? *Journal of Multicultural Counseling & Development* 19: 98.
- Blazy, H. 2000. ... While Reading *Tenggara*. *Tenggara* 42: 130-53.
- Borders, L. D. 1996. Editorial – The *Journal of Counseling & Development*: On its purpose, function, and goals. *Journal of Counseling & Development* 75: 3-4.
- Claiborn, C. D. 1990. Our Journal and Its Mission: An Editorial. *Journal of Counseling & Development* 69: 3-4.
- Dolan, E. M., & Lawrence, F. C. 1996. A Decade in Perspective 1985-94: A Content Analysis of the Journal of Consumer Affairs. *Consumer Affairs Annual* 42: 223.
- Hairi Abdullah. 1984. Persoalan Ahli-ahli Sains Sosial Kini. *Akademika* 24, Januari.
- _____. & H. M. Dahlan. 1982. Nota Editor. *Akademika* 20 & 21, Julai, 1982.
- Hasrom Haron. 1997. "Penyatuan" Jurnal Ilmiah Malaysia. Dlm. Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan Ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jawatankuasa Perancang Konferensi. 1974. *Peranan dan Orientasi Sains Sosial dan Ahli-ahli Sains Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Antrapologi dan Sosiologi, UKM.
- Kalsom Sharif & Zakiah Azmi. 1990. Scholarly Journal Publishing in Malaysia. Paper presented at a Regional Conference on Developing ASEAN's Scholarly Publishing, 27-29 August 1990, Kuala Lumpur.
- Martin, J. 1990. Reporting Research in the *Journal of Counseling & Development*. *Journal of Counseling & Development* 69: 5-6.
- Mohamad Ghazali Abas, Rosnah Sulaiman & Zawiyah Mohd Yusof. 1992. *Indeks dan Abstrak Jurnal UKM 1970-1990*. Bangi: Penerbit UKM.
- Pelsma, D. M., & Cesari, J. P. 1989. Content Analysis of the *Journal of Counseling and Development*: Volumes 48-66. Dlm. *Journal of Counseling and Development* 67: 275-78.
- Penerbit UKM. 1995. *Suku Abad Penerbit UKM, 1970-1995*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 2002. *Penulisan Rencana Ilmiah*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 2003. Laman Rasmi Penerbit UKM, <http://www.penerbit.ukm.my>.
- Roosfa Hashim. 2000. E-Jurnal Ilmiah di Malaysia: Status dan Sikap Ahli Akademik. Disertasi sarjana, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.
- Sham Sani. 1995. Nota Editor. *Akademika* 26, Januari.

- Shamsul Amri Baharuddin. 1999. Perkembangan Sains Sosial dan Kemanusiaan: Peranan Akademika dan Tugas Editor. Kertas Kerja untuk 'Bengkel Sidang Editor Akademika 1/99, UKM, Bangi, 21 Julai.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan & Mohd. Shamsudin Zahid Sopian. 1992. *Perenungan Tentang Ilmu Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tay, T. H. 1989. The Role of Journals in Information Transfer – the Malaysian Perspective. In *Editors' Role in Journal Publishing*, Ed. H. H. Siti Petimah and I. Ailin Ton. Serdang: MARDI/IDRC/PEPET.
- Thompson, B. & Snyder, P. A. 1998. Statistical Significance and Reliability Analyses in Recent *Journal of Counseling & Development* Research Article. *Journal of Counseling & Development* 76: 436-41.
- Wiliams, M. E. & Buboltz, W. C. 1999. Content Analysis of the *Journal of Counseling & Development*: Volumes 67 to 74. *Journal of Counseling & Development* 77: 344-49.
- Zainab Awang Ngah. 1997. Malaysian Scholarly Journals: Their Visibility and Characteristic. Dlm. Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan Jurnal Ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Roosfa Hashim

Editor (Sains Sosial dan Kemanusiaan)

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

